

Date: 17/07/2020

Tuan / Puan,

PERUNDINGAN PIHAK BERKEPENTINGAN BERKENAAN PENSIJILAN MSPO BAGI NINJA ENTERPRISE SDN BHD

Ninja Enterprise Sdn Bhd, sebuah syarikat perladangan Malaysia memohon pihak kami, TUV NORD Malaysia Sdn Bhd untuk menjalankan aktiviti audit untuk pensijilan berdasarkan maklumat di bawah :-

Butiran Syarikat	<p>Ninja Enterprise Sdn Bhd Mr. Lau Hui Kiong Manager P.O.Box 739, 90708 Sandakan, Sabah. +6019-5887810 huikiong57@gmail.com</p>
-------------------------	---

Ringkasan Informasi Syarikat Pemohon
Ninja Enterprise Sdn Bhd mempunyai bidang tanah seluas 422.4 Ha terletak di daerah Sandakan, Sabah.

Nama Ladang	Lokasi	Maklumat GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Ramalan Pengeluaran Tahunan buah Mentah (MT)
	Alamat	Longitude	Latitude	Jumlah Keseluruhan	Kawasan Ditanam	
Ninja Enterprise Sdn Bhd (2 Div)	P.O.Box 739, 90708 Sandakan, Sabah.	117° 59' 35	6'0'18.98"	422.40	401.88	8200.80
Jumlah				422.40	401.88	8200.80

Note : Kawasan ditanam = kawasan matang + pra matang

Butiran penilaian pematuhan diatas akan dijalankan mengikut standard MSPO yang di nyatakan dibawah

Standard
<ul style="list-style-type: none"> MS 2530-3:2013 Prinsip Asas Untuk Kilang Sawit Dan Pekebun Kecil Berkelompok

Perundingan dengan pihak berkepentingan adalah bahagian yang terpenting dalam proses pensijilan. Dalam perkara ini, pihak berkepentingan yang berkenaan adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak kerajaan, jabatan kerajaan dan juga penduduk tempatan untuk memberi pandangan dan pendapat sama ada pemohon pensijilan mematuhi keperluan kriteria yang tertakluk dalam standard.

Surat ini bertujuan menjemput semua pihak berkepentingan terlibat dalam procedure konsultasi kerana maklum balas membolehkan pihak kami membuat keputusan pensijilan yang positive. Kami menjemput anda untuk menyuarakan sebaran maklum balas secara bertulis, dalam 603-86004031 / 4032, fax: +603-8600 4550 atau secara email (sustainability@tuv-nord.com) kepada TUV NORD Malaysia Sdn Bhd yang tertera dibawah.

Pihak Berkepentingan boleh memberi aduan atau rungutan kepada unit pengurusan yang berkenaan dengan mengikuti prosedur TUV NORD Malaysia Sdn Bhd (<https://www.tuv-nord.com/my/en/our-services/sustainability/>). Semua sumber apa-apa maklumat yang diberikan akan sulit kepada CB. Sebarang pendedahan maklumat yang diberikan hendaklah dijalankan terlebih dahulu daripada persetujuan pihak berkepentingan yang berkenaan. Salinan standard MSPO boleh didapati dari pautan ini (<https://www.mpoc.org.my/>).

Sila gunakan perkara dibawah sebagai panduan semasa memberi maklum balas :

- Perlindungan Persekitaran
- Pemuliharaan kepelbagaian Biologi
- Peluang Pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan
- Pendekatan syarikat dalam aperkembangan masyarakat
- Mengambil Bahagian Dalam Membuat Keputusan
- Isu-isu yang lain, baik positif atau negatif yang, anda rasa relevan kepada penilaian
- Isu-isu yang berkaitan dengan ladang-ladang lain yang dimiliki oleh syarikat ini, yang tidak termasuk dalam proses penilaian ini

Aktiviti penilaian pematuhan akan dijalankan pada:

Tarikh audit : 26/08/2020
 Tarikh Akhir : 27/08/2020
 Jumlah Hari : 2 hari
 Jumlah Auditor : 2 auditor

Maklumat pasukan audit dalam pensijilan:

PENTAKSIR UTAMA (KETUA PASUKAN)

Mohd Nur Amin (Trainee Ketua Auditor)
--

Beliau akan mengetuai audit MSPO untuk Transparensi, Sosial, Ekonomi, Kewangan, Amalan Baik, Biodiversiti dan Penanaman Semula
--

PASUKAN AUDIT

Arif Bin Lokman	Beliau akan mengaudit MSPO dari segi persekitaran dan amalan baik.
Joseph Sim (Trainee Auditor)	Beliau akan memberi sokongan dari segi Keselamatan dan Kesihatan.

Sebarang maklum balas yang diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan diberi pertimbangan sewaktu proses audit pensijilan dijalankan. Sila nyatakan maklumat anda di dalam kotak bawah untuk membolehkan pihak kami menghubungi anda (sekiranya perlu) untuk mendapat penjelasan berkenaan isu yang dibangkitkan.

Nama	
Alamat	
E-mel	
No Telefon	

Ringkasan Isu yang Dibangkitkan.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas penyertaan dan maklum balas anda.

Yang benar,



Robert, Cheong
Pengurus Skim MSPO